

Utamakan keluarga, kata Dr Kasim

NST 09-03-2012 18

KUNDASANG: Kakitangan Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni (HEPA) Universiti Malaysia Sabah, di gesa mengeratkan silaturahim di antara ahli keluarga sekaligus mengukuhkan hubungan kekeluargaan.

Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar Alumni Universiti Malaysia Sabah Prof. Madya Datuk Dr. Dr.Kasim Hj. Mansur berkata, "hari keluarga yang diadakan bertujuan untuk mengeratkan silaturahim antara kakitangan dan ahli keluarga sekaligus mengukuhkan hubungan kekeluargaan.

"Selain bertukar idea, pandangan dan berkongsi pengalaman, ia dapat menyemai semangat kerjasama sesama kakitangan disamping dapat mengurangkan tekanan dan menyegarkan semula minda setelah seharian bekerja", katanya di Majlis Hari Keluarga HEPA yang diadakan di sini baru-baru ini.

Mengenai bengkel Perancangan Strategi, *Key Performance Indicators* (KPI) yang juga dilangsung serentak dengan hari keluarga tersebut bagi tahun 2012, Dr Kasim berkata HEPA telah menetapkan

KPI tertentu untuk dilaksanakan. Namun, pelaksanaan KPI tersebut memerlukan kepada perbincangan yang lebih mendalam dan terperinci bagi memastikan semua bahagian dan pusat yang terdapat di bawah naungan HEPA yang dapat menyelaras pelaksanaan KPI tersebut, mampu melaksanakannya dengan baik dan lancar.

Menerusi bengkel ini juga, Dr Kasim telah memberi penekanan terhadap tumpuan setiap penjawat awam melaksanakan budaya pengurusan dan melaksanakan aktiviti yang telah di rancangan bagi tahun 2012 ini dengan gigih dan berusaha meningkatkan kualiti kerja di samping memastikan agar urusan pembelajaran dan penginapan mahasiswa mahasiswi terjaga dan terpelihara.

"Menjadi keutamaan jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni yang juga sebagai nadi penggerak kepada kepimpinan pelajar yang sentiasa berusaha dalam memimpin bakal graduan untuk menghasilkan pelajar yang berketerampilan dan berkaliber untuk berbakti kepada

masyarakat," tambahnya.

Dalam hubungan ini katanya, UMS melalui HEPA menggalakkan kegiatan-kegiatan di luar bidang akademik dengan tujuannya untuk menanam perasaan tanggungjawab dan memperatikan kualiti kepimpinan di kalangan mereka.

Menyentuh mengenai hari Keluarga beliau berkata, "adalah penting bagi kita semua, mengutamakan keluarga kerana ianya berperanan sebagai institusi yang memberi perlindungan, kasih sayang, bimbingan dan didikan kepada pembentukan peribadi seseorang. Realitinya, peranan asas keluarga nampaknya terlalu ideal bagi sesebuah keluarga masa kini".

Sehubungan itu, ibu bapa adalah Role-Model yang paling berkesan dalam memastikan anak-anak mengamalkan nilai-nilai dan norma-norma murni. Kita mesti bijak membuat pertimbangan dalam memberikan keutamaan dan pengurusan masa berkualiti kepada anak-anak dalam kesibukan tugas harian kita, katanya.



BENGGEL ... Dr.Kasim meneliti hasil bengkel KPI

Di majlis berkenaan ketua-ketua jabatan, pengarah-pengarah pusat dan bahagian telah menandatangani Key Performance Indicators (KPI) di hadapan Prof. Madya Datuk Dr. Dr.Kasim.

Lebih 260 orang kakitangan dan keluarga HEPA hadir di majlis tersebut. Majlis tersebut di serikan sukaneka, persembahan hiburan dan cabutan tiket bertuah. -Oleh [ismail_ali JS@ums.edu.my](mailto:ismail_ali_JS@ums.edu.my)



KEMESERAANKelihatan ahli keluarga beramah mesra ketika aktiviti sukaneka diadakan sempena hari keluarga HEPA 2012.



TERIMA WATIKAH ... Kelihatan Puan Zaiton menerima watiakah KPI 2012.